

# **PENUTUP KURSUS PENGHAYATAN KEPIMPINAN ISLAM PEGAWAI TUDM 2019**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4847-penutup-kursus-penghayatan-kepimpinan-islam-pegawai-tudm-2019](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4847-penutup-kursus-penghayatan-kepimpinan-islam-pegawai-tudm-2019)

Bukit Tinggi, 19 Apr 19 - Seramai 24 orang pegawai TUDM berpangkat Mej TUDM dan ke bawah dari pelbagai cawang telah berjaya menamatkan Kursus Penghayatan Kepimpinan Islam Pegawai TUDM yang telah diadakan pada 17 hingga 19 Apr 19 bertempat di Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (i-KPKT), Bukit Tinggi, Pahang.

Secara keseluruhan, objektif penganjuran kursus ini adalah untuk menerapkan konsep kepimpinan berdasarkan islam yang berhikmah dan bijaksana di kalangan para pegawai TUDM.

Selain itu, penganjuran kursus ini juga mensasarkan peningkatan kecemerlangan diri melalui kesedaran terhadap kepentingan kepimpinan serta pemantapan rohani, fizikal dan mental.

Majlis penutupan kursus ini telah disempurnakan oleh YBhg Brig Jen Dato' Ahmad bin Abd Rahman TUDM ; Asisten Ketua Staf Tadbir dan disaksikan oleh Pegawai Staf 1 Agama MTU, Lt Kol Hj Mat Sukri bin Hj Yunus dan Ketua Penolong Setiausaha Cawangan Pengurusan Psikologi, Tuan Haji Zakaria bin Zawawi serta semua barisan urusetia penganjur kursus.

Syabas kepada semua peserta terlibat.

